

Soalan-soalan kepada syi'ah.

1. Tolong beritahu, apakah perbezaan antara Imamah¹, Imarah dan Khilafah?²
2. Jika imam itu benar-benar ditentukan oleh Allah seperti para nabi dan pemilihannya adalah berdasarkan keistimewaan orang itu sendiri disisi Allah serta dinaskan³, maka minta tolong tunjuk dimanakah ayat tersebut.
3. Di dalam Nahjul Balaghah halaman 8, Saidina 'Ali ada berkata kepada Mu'awiyah. Apakah jawapan kamu terhadap ibarat ini? Tolong jelaskan.

¹ Ihsan Ilahi Zahir ada menyebutkan berkenaan ciri-ciri imam dalam kitabnya Majmu' Muallafat. Pertama : Imam tidak akan mati selagi tiada pengganti dari kalangan anak atau zuriatnya. Kerana anak itu yang akan menggantinya secara pasti untuk menjadi imam. Dalil mereka adalah sebuah hadis, iaitu :

قلت لأبي الحسن : قد بلغت ما بلغت وليس لك ولد. يا عتبة بن جعفر : ان صاحب هذا الأمر لا يموت حتى يرى ولده من بعده.

Bermaksud : aku berkata kepada Abu Al-Hasan : seungguhnya engkau telah tua (hampir mati) dan tiada anak. Wahai 'Utbah bin Ja'far : "Sesungguhnya Imam ini tidak akan mati selagi dia tidak melihat pengganti selepasnya". Kedua : Jawatan Imamah tidak akan dipegang oleh dua orang bersaudara kecuali Hasan dan Husain. Bahkan mesti pada anak cucu. Bermakna, Hasan Al-'Askari (imam kesebelas) mengikut syi'ah bahawa ulama'-ulama' mereka mengatakan dia ini tiada anak. Imam Mahdi yang disebut-disebutkan hanya rekaan semata-mata. Beliau tidak mempunyai anak. Oleh itu, betul pendapat sesetengah syi'ah yang menganggap saudaranya bernama Ja'far sebagai imam. Ini tidak boleh kerana menolak satu ajaran syi'ah. Natijahnya akan menimbulkan tanda tanya bahawa di manakah anak beliau. Ketiga : Imam ini tidak dimandikan melainkan oleh anak imam yang sulung.

² Menurut Syi'ah ketiga-tiganya ada perbezaan. Bagi Ahlus Sunnah tiada beza. Dan kedudukannya tidak sama dengan Nabi atau Rasul. Jawatan Imamah, Imarah dan Khilafah adalah hasil dari persetujuan orang ramai ataupun hasil perlantikan orang. Sedangkan jawatan Nabi atau Rasul daripada Allah s.w.t. Sekiranya mereka mengatakan tidak sama maka minta dikemukakan dalil dan minta dinyatakan apakah syarat-syarat untuk menjadi imam. Ini kerana Syi'ah tidak terima 'Ali sebagai khalifah dan amirul mukminin. Sedangkan sesetengah tempat di dalam kitab-kitab mereka disebutkan sebagai khalifah atau amirul mukminin. Mengapa tidak serupa? Adakah kerana hendak menjaga sesetengah pihak? Tetapi jika kepercayaan mereka sama dengan kita, maka sudut manakah yang menjadi keserupaan itu? Ini bermakna mereka mesti menerima seperti mana yang diterima oleh 'Ali sendiri. Diantaranya ialah mengakui Abu Bakar itu sebagai imam, amir dan khalifah. Kalau tidak 'Ali berbai'ah atas dasar apa? Khalifah atau imam? Menurut mereka lagi, Imamah merupakan salah satu rukun dalam agama mereka. Tidak beriman sesiapa yang tidak percaya kepada Imam-imam. Yakni Imam Dua Belas. Lagi, imam-imam dilantik dari Allah dengan adanya syarat-syarat tertentu.

³ Syi'ah mengatakan jawatan imamah ini mansus dari Allah s.w.t. dan apabila mansus mestilah terdapat dalil dalam Al-Quran. Samada ayat yang menyebutkan bilangan atau nama imam tertentu. Sekiranya tiada bagaimanakah hendak menjadi aqidah?

انه بايعني القوم الذين بايعوا آباءهم ابا بكر وعثمان على ما بايعوهم عليه فلم يكن للشاهد أن يختار و لا للغائب أن يرد فان خرج عن أمره خارج بطعن او بدعة ردوه الى ما خرج به فان أبى قاتلوه على اتباعه غير سبيل المؤمنين وولاه الله ما تولى انما الشورى للمهاجرين والأنصار
فان اجتمعوا على رجل وسموه اماما كان ذلك رضا

Bermaksud : “Orang-orang yang telah berbai’ah kepada Abu Bakar dan Uthman itulah yang telah berbai’ah kepadaku. Dengan syarat-syarat yang telah mereka persetujui untuk berbai’ah pada mereka berdua. Oleh itu, tidak ada lagi jalan bagi mereka yang ada ini untuk memilih yang lain dan tidak ada jalan bagi mereka yang tidak ada di sini untuk menolak. Kalau ada sesiapa yang keluar daripada ketaatan kepada mereka dengan mengkritik atau melakukan suatu bid’ah maka kamu kena kembalikannya kepada tempat asal (dengan taat kembali). Sekiranya dia enggan juga maka hendaklah kamu perangnya kerana dia telah mengikuti bukan jalan orang mukmin. Syura⁴ (pelantikan menjadi pemimpin) ini adalah hak orang-orang Muhajirin dan Ansar.⁵ Sekiranya mereka bersetuju mereka menamakannya sebagai imam⁶. Bererti disitulah terletak keredhaan Allah s.w.t.”

4. Kalau Saidina ‘Ali sendiri menjelaskan bahawa imam itu boleh dilantik oleh orang, bagaimana kamu mengatakan bahawa imam itu dinaskan dari Allah?
5. Dan kalau Saidina ‘Ali mengatakan bahawa imam yang dipilih oleh Muhajirin dan Ansar itu, apabilaoleh Allah, mengapa kamu benci kepada Khulafa’ Rasyidin selain ‘Ali?
6. Kalau jawatan imamah itu memang sudah ditentukan oleh Allah bermakna ini merupakan satu sifat sepertimana kenabian yang tidak boleh dirampas. Tolong ceritakan bagaimana imamah itu boleh dirampas?⁷
7. Kalau jawatan itu tidak boleh dirampas, tolong ceritakan apakah yang telah dirampas oleh pemimpin-pemimpin sebelum ‘Ali?
8. Kalau jawatan amamah memang dinaskan ataupun sudah ditentukan oleh Allah dan ia tidak dirampas serta tidak boleh dirampas, kalau begitu tuduhan rampasan terhadap imam-imam sebelum ‘Ali adalah bercanggah dengan akal dan naqal.

⁴ Dapat difahami dari sini bahawa beberapa perkara. Pertama : Pelantikan imam bukan daripada Allah. Ianya ditentukan oleh persetujuan Muhajirin dan Ansar. Kedua : Jawatan imam boleh dilantik oleh orang dan ini menunjukkan redha Allah.

⁵ Ini menunjukkan bahawa orang yang telah berbai’ah dengan Abu Bakar dan khalifah selepasnya adalah orang yang baik. Kenapa kamu masih lagi enggan menerima baik para sahabat sedangkan ‘Ali menerima baik mereka.

⁶ Disinilah terbuktinya bahawa imam, amirulmukminin dan khalifah adalah sama.

⁷ Sedangkan ianya dari Allah. Apabila Allah tentukan imamah itu untuk seseorang, bermakna ianya sama seperti kenabian. Tiada yang boleh menghalang dan merampas. Ini kerana menurut dakwaan mereka Abu Bakar, ‘Umar dan ‘Uthman telah merampas kedudukan ‘Ali.

9. Adakah boleh seorang khalifah atau imam yang dinaskan berbai'ah kepada seorang khalifah yang tidak dinaskan?⁸
10. Kalau jawapan kamu tidak boleh berbai'ah maka apa jawapannya kepada ibarat dalam Ihtijaj Thobarsi pada halaman 53.

ثم تناول يدا أبي بكر فبايعه

Bermaksud : “Kemudian ‘Ali memegang tangan Abu Bakar dan berbai'ah”.⁹

11. Kalau kamu kata bahawa ‘Ali telah berbai'ah secara Taqiyyah maka tolong ceritakan adakah Rasullullah s.a.w. pernah melakukan perbuatan seperti ini?
12. Kalau tidak pernah (bermuka-muka atau menafikan dakwaan yang sebenar) maka bolehkah seseorang imam itu melakukan sesuatu perbuatan yang bercanggah dengan perbuatan Nabi s.a.w.?
13. Kalau kita mengatakan bahawa ‘Ali memang telah berbai'ah kepada Abu Bakar secara Taqiyyah maka ada kemusykilan. Mengapa Husain telah melanggar perbuatan ayah dan abangnya?¹⁰
14. Siapakah diantara mereka bertiga yang benar?
15. Tolong ceritakan, manakah dalil yang digunakan oleh ‘Ali dan Hasan untuk berbai'ah pada khalifah masing-masing? Sedangkan mereka imam.
16. Kenapa imam dipilih? Nyatakan alasan pemilihan imam.

17. Kalau jawapannya, tuhan memilih imam-imam itu ialah untuk menjaga iman dan agama umat¹¹ seperti para nabi maka bermula selepas zaman Hasan ‘Askari sehingga sekarang siapakah yang menjalankan tugas tersebut?¹²

⁸ Menurut syi'ah ‘Ali telah dinaskan oleh Allah bahawa selepas Nabi s.a.w. dialah yang menjadi imam.

⁹ Ibarat ini jelas menunjukkan bahawa imam yang dinaskan berbai'ah kepada imam yang tidak dinaskan.

¹⁰ Ini kerana sejarah membuktikan bahawa ‘Ali telah berbai'ah kepada Abu Bakar dan Hasan telah berbai'ah kepada Mu'awiyah. Mengapa Husain tidak ikut cara mereka berdua? Mengapa ‘Ali dan Hasan tidak seperti Husain? Siapa yang lebih benar dalam tindakannya? Kalau ‘Ali dan Hasan tidak tepat dalam tindakannya mengapa mereka tidak dibunuh? Sekiranya Husain ikut cara mereka berdua pasti beliau tidak dibunuh. Di sini menunjukkan perbuatan sesama imam sendiri sudah bercanggah. Sedangkan percanggahan dengan imam adalah tidak boleh. Kalau salah satu pihak dari mereka salah maka ianya bercanggah dengan syarat imam yang maksum dan tidak boleh salah.

¹¹ Untuk memastikan agama ini terjamin. Kerana agama mesti diterima dari orang yang maksum.

¹² Kerana menurut syi'ah imam yang kedua belas ada dalam gua atau lubang.

18. Kalau kamu mengatakan bahawa imam memang tidak wujud maka tanggungjawab untuk menegakkan agama dipikul oleh siapa? Kalau memang tentu dipikul oleh orang-orang yang tidak ma'sum, kenapa kamu kritik mereka (tiga khalifah sebelum 'Ali)? Sedangkan mereka telah melakukan sesuatu untuk agama. Kalau kamu dakwa ini tanggungjawab imam maka dimanakah imam tersebut?

19. Katanya, kamu (orang-orang syi'ah) menyabitkan imamah berdasarkan dalil :

إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا

Bermaksud : “Aku hendak menjadikan engkau (Ibrahim) sebagai imam kepada manusia”.

Kalau betul ayat ini menyabitkan imamah Ibrahim maka tolong cerita, kenapa kamu menghadkan imam itu sebanyak dua belas sahaja?¹³

20. Kalau imamah Ibrahim ini serupa dengan imam dua belas¹⁴ dimanakah sudut keserupaan itu?

21. Imamah yang diperoleh Ibrahim adalah hasil dari kejayaan menghadapi ujian Allah. Ianya dipanggil sebagai imamah Kasbiyyah. Sedangkan imamah yang kamu percayai itu adalah imamah Wahbiyyah.¹⁵

22. Didalam ayat :

وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا dan إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا

Kalau perkataan جَاعِلُ disini memberi maksud seperti yang kamu faham, mengapa pada ayat وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا disini tidak boleh? Ini menunjukkan bahawa bagi ahli sunnah tiada masalah. Iaitu jawatan imamah itu sesuatu yang boleh dicapai dengan usaha, ikhtiar dan perbuatan manusia. Kalau imamah itu sesuatu yang ditentukan Allah maka apakah maksud permintaan ini?¹⁶

¹³ Menurut ayat ini Ibrahim juga sebagai imam. Sepatutnya bilangan imam itu mesti tiga belas. Ayat ini juga jelas menunjukkan bahawa Allah menyebutkan dhomir (kata ganti nama) itu dengan mufrad (tunggal), bukan dengan jama' atau dua belas.

¹⁴ Kalau menurut syi'ah, sebelum Allah menjadikan alam sudah ditentukan berkenaan imamah. Sedangkan berdasarkan ayat tadi jelas menunjukkan bahawa Ibrahim dilantik selepas dilahirkan ke bumi.

¹⁵ Kasbiyyah : Sesuatu yang diperolehi dengan hasil usaha. Wahbiyyah : Sesuatu yang dikurniakan. Seperti jawatan nabi.

¹⁶ Jika imamah ini sesuatu yang bersifat Wahbiyyah, kenapa diajarkan doa ini? Kalau sesuatu yang memang sudah ditentukan Allah maka tidak perlu doa pun sudah pasti diperolehi.

23. Jikalau jawatan imamah hanya terhad kepada dua belas orang sahaja maka apa makna ayat
 وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا¹⁷
24. Jikalau lafaz “Imamul Muttaqin” ini khusus dengan ‘Ali seperti dakwaan kamu maka apa ertinya
 sekalian orang islam diajarkan doa ini?¹⁸
25. Jikalau lafaz “Imamul Muttaqin” ini tidak khusus dengan ‘Ali maka kenapa dalam azan kamu
 diselitkan lafaz ini. أَشْهَدُ أَنْ عَلِيًّا وَوَلِيَّ اللَّهِ وَامَامَ الْمُتَّقِينَ .
26. Jikalau dua belas imam itu memang dinaskan oleh Allah, kenapa tidak disebutkan semua imam
 dalam azan?¹⁹
27. Bolehkah kamu buktikan berdasarkan kata-kata imam tentang keistimewaan pemerintahan ‘Ali
 melebihi imam-imam lain yang menyebabkan nama ‘Ali disebut dalam azan? Walaupun dalam
 hadis kamu.
28. Adakah dalam keyakinan imam-imam bahawa jawatan imamah sabit berdasarkan nas al-Quran?
 Kalau ada kemukakan bukti.
29. Sekiranya imamah Ibrahim dan imamah imam dua belas tidak sama hakikatnya, kenapa dalil
 imamah Ibrahim itu digunakan untuk membuktikan imamah imam dua belas?
30. Berdasarkan ayat إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا dapat difahami bahawa Ibrahim minta kepada Allah dan
 tanya samada anak cucunya juga mewarisi atau tidak. Selain daripada imam dua belas iaitu anak
 cucu imam-imam, adakah mereka tidak layak memegang jawatan imamah atau layak? Jika
 mereka layak, kenapa terhad sebanyak dua belas sahaja? Jika tidak layak, adakah mereka
 termasuk dalam golongan yang zalim?
31. Kalau jawapannya ialah kerana mereka tidak memiliki sifat imamah²⁰ kemukakan dalil bagi
 alasan kamu.

¹⁷ Syi’ah mendakwa bahawa ayat ini telah diubah oleh para sahabat. Ayat ini bukanlah ayat sebenar yang diturunkan Allah. Mereka mengatakan bahawa doa ini samalah seperti meminta untuk menjadi tuhan. Dan ini sesuatu yang mustahil. Sedangkan dalam doa ini diajar kepada sekalian orang islam supaya minta jadi pemimpin. Maksud pemimpin disini luas bukan sebagai perintah Negara sahaja. Paling kurang pemimpin kepada diri kita sendiri.

¹⁸ Doa ini bukan sekadar untuk diri sendiri sahaja bahkan sebenarnya terkandung juga untuk yang lainnya. Seperti pemimpin Negara, maka dengan sendirinya dia mendoakan rakyatnya supaya menjadi orang yang bertakwa. Itulah maksud sebenar menjadi pemimpin bagi orang yang bertakwa. Secara tidak langsung juga ada kita dapat mengambil faedah bahawa hati manusia ini tidak boleh diubah melainkan Allah sahaja.

¹⁹ Sedangkan kedudukan imam itu sama sahaja. Bahkan kadang-kadang syi’ah melebihkan Husain daripada ‘Ali. Kenapa tidak sebut nama Husain sekali dalam azan?

²⁰ Sedangkan menurut ayat tadi hanya disebutkan bahawa mereka yang zalim sahaja tidak layak memegang jawatan imamah.

32. Jelaskan martabat imamah itu bagi kamu, adakah ianya Nubuwwah itu sendiri atau bukan? Kalau imamah itu sama dengan Nubuwwah maka apakah erti ayat **إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا**?
33. Kalau imamah itu bukan Nubuwwah maka bermakna kamu menerima dua sifat (Nubuwwah dan Imamah) yang terkumpul pada Ibrahim. Dan ianya tidak diterima ada pada nabi Muhammad s.a.w. Bolehkah begitu?
34. Kalau kamu mengatakan bahawa pada Nabi Muhammad s.a.w. ada juga dua sifat tersebut, maka kemukakan dalil yang sama seperti dalil Ibrahim.²¹ Kalau tidak ada, terpaksa kita menerima bahawa Ibrahim adalah nabi yang paling afdhal.²² Kerana pada Ibrahim ada dua sifat sedangkan nabi Muhammad s.a.w. hanya ada satu sahaja.
35. Berita gembira akan mendapat jawatan imamah yang diberikan Allah kepada Ibrahim dan kemudian dia minta adakah berdasarkan kelayakan anak-anak dia ataupun imamah mana yang dimaksudkan?
36. Kalau berdasarkan istilah yang digunakan di dalam al-Quran, imamah yang digunakan oleh syi'ah itu apakah kedudukannya?²³
37. Jika kamu mengatakan bahawa imam yang digunakan mesti dengan makna baik sahaja maka apa makna ayat ini **فَقَاتِلُوا أئِمَّةَ الْكُفْرِ**. Disini jelas menunjukkan bahawa maksudnya adalah imam-imam kafir.²⁴
38. Lafaz imam ini adakah untuk kepada yang berakal atau tidak berakal? Kalau khusus untuk yang berakal maka apakah makna Allah menamakan kitab Taurat itu dengan imam? **وَمِنْ قَبْلِهِ كِتَابُ مُوسَى إِمَامًا وَرَحْمَةً** 25

²¹ Yakni Allah mengemukakan bahawa Ibrahim memegang jawatan imamah.

²² Sedangkan menurut ahli sunnah imamah itu adalah satu martabat dalam kenabian ataupun salah satu ciri kenabian. Yakni dua perkara yang serupa sahaja.

²³ Kerana perkataan ini digunakan juga dengan maksud orang-orang yang sesat. Kalau begitu tidak ada keistimewaan syi'ah seperti yang didakwa bahawa berulang-ulang kali disebutkan perkataan imam yang menunjukkan kepada imam dua belas. Sedangkan dalam al-Quran disebutkan perkataan imam itu dengan memberi makna pemimpin baik dan jahat.

²⁴ Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan bahawa istimewa yang didakwa adalah salah.

²⁵ Disini Allah menyebutkan bahawa imam itu adalah sifat kepada kitab juga. Ini bermakna lafaz imam digunakan kepada yang tidak berakal juga. Bahkan ada juga digunakan imam itu dengan makna jalan besar. Dalam surah al-Hijr disebutkan : **وَإِنْ كَانَ أَصْحَابُ الْأَيْكَةِ ظَالِمِينَ (78) فَانْتَقَمْنَا مِنْهُمْ وَإِنَّهُمَا لَبِإِمَامٍ مِّنْ بَيْنِ :** bermaksud : “Sesungguhnya kaum Aikah benar-benar zalim. Dan kedua-dua negeri kaum Aikah itu terletak di jalan yang besar”. oleh itu, ketentuan makna imam dengan ciri-ciri yang tertentu adalah bercanggah dengan akal sama sekali.

39. Tolong beritahu berkenaan ayat ini : **يَوْمَ نَدْعُو كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمامِهِمْ**. Bermaksud : “Pada hari kami menyeru semua manusia dengan imam²⁶ mereka masing-masing”. Jadi, maksud imam disini adakah member maksud seperti imam yang kamu maksudkan ataupun yang lain?²⁷
40. Kalau dikatakan bahawa imam hanya dua belas, bermakna kita perlu menghadkan perkataan “**بِإِمامِهِمْ**” hanya untuk umat di kalangan Muhammad s.a.w. sahaja.²⁸
41. Kalau menurut Syi’ah, imam itu hanya imam dua belas sahaja. Soalnya : berdasarkan prinsip atau akidah syi’ah, adakah boleh para nabi dipanggil sebagai imam?
42. Berdasarkan ayat diatas tadi kalau imam yang dimaksudkan bukan para nabi maka bermakna para nabi tidak akan dipanggil. Adakah begitu? Bukankah para nabi ini adalah pemimpin kepada umatnya?²⁹
43. Jika kamu mengatakan bahawa perkataan tadi mempunyai makna para nabi, kenapa digunakan untuk makna imam dan meninggalkan makna para nabi pada perkataan tersebut?³⁰
44. Jika dikatakan bahawa imam dua belas ini adalah imam bagi ummat Muhammad maka adakah bererti mereka juga adalah imam juga bagi ummat yang terdahulu? Kalau begitu, kemukan dalil!
45. Kalau kita terima bahawa di padang mahsyar nanti semua manusia yang telah mendapat petunjuk akan duduk dibelakang ‘Ali dan imam dua belas (menurut kepercayaan Syi’ah). Tidakkah ini bermakna kita menghina para nabi? Kerana selama ini yang berjuang ialah para nabi. Adakah patut sebegitu?³¹
- 46.
- 47.

²⁶ Maksud imam disini ada juga yang baik dan jahat.

²⁷ Jika dijawab bahawa maksudnya imam dua belas, adakah semua manusia yang pernah hidup ini mengikut mereka? Sedangkan orang kafir mengikut imam mereka sendiri. Berdasarkan ayat ini, imam itu ada ramai. Tidak terbatas kepada dua belas. Kerana bagi mereka imam hanya ada dua belas sahaja sebenarnya.

²⁸ Sedangkan di padang mahsyar nanti akan dihimpun semua umat manusia bermula dari Adam a.s. sehinggalah manusia terakhir. Dan disana nanti ada yang baik dan ada yang tidak baik. Jadi, siapakah yang dimaksudkan dengan imam itu?

²⁹ Jika para nabi tidak dipanggil maka siapakah ikutan umat-umat terdahulu? Sedangkan mereka tidak pernah kenal imam dua belas yang merupakan umat Nabi s.a.w.

³⁰ Dalam Al-Quran perkataan imam memberi beberapa maksud. (1) Tidak semestinya menunjukkan makna yang elok sahaja. (2) Jika dipakai dengan makna yang elok itu ialah para nabi maka betulnya makna tersebut.

³¹ Menurut Syi’ah para nabi akan duduk dibawah panji imam Mahdi.

- 48.
- 49.
- 50.
- 51.
- 52.
53. Miraat Al-‘Uqul syarah furu’ dan usul kafi cetakan Iran. Katanya إمام itu pecahan daripada perkataan أم. Dan أم didalam bahasa arab memberi maksud ibu. Persoalannya ialah adakah betul tafsiran itu?
54. Jika betul tafsiran itu maka إِذَا جَاءَ الْإِحْتِمَالُ بَطَلَ الْإِسْتِدْلَالُ.
55. Jika tidak betul maka kemukan dalil-dalil yang menyatakan ianya tidak betul.
56. Jika diandaikan betul, mengapa dihari kiamat nanti orang ramai akan memanggil nisbah kepada ayah bukan ibu.³²
57. Berdasarkan *siyak* dan *sibaq* kepada ayat يَوْمَ نَدْعُو كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمَامِهِمْ dapat dipastikan bahawa imam yang dimaksudkan disitu ialah suratan amalan masing-masing. Apa pendapat kamu?
58. Didalam al-Quran disebutkan وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أُمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا. Maka tolong jelaskan dimanakah tempat kembali *dhomir* هم?
59. Didalam al-Quran disebutkan
- وَنُفِخَ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَنُرِيدُ أَنْ نَمُنَّ عَلَى الَّذِينَ اسْتُضِعُوا فِي الْأَرْضِ وَنَجْعَلَهُمْ أَئِمَّةً وَنَجْعَلَهُمُ الْوَارِثِينَ.

³² Didalam dunia lagi, kita semua dinisbahkan atau dibinkan kepada ayah tidak ibu. Kerana imam itu penting dan ianya pecahan daripada ibu menurut mereka.

Soalannya : Menurut syi'ah yang mendakwa bahawa imam itu mansus ataupun ditentukan oleh Allah didalam nas. Adakah pernah imam-imam pernah memerintah dan berkuasa dimuka bumi ini seperti yang disebutkan oleh ayat diatas?³³

60.

61. Jika dikatakan bahawa mereka pernah memerintah, ini adalah karut. Kerana ini bercanggah dengan kenyataan. Kecuali hanya sebagai sebutan sahaja bahawa mereka ini pernah memerintah. Iaitu 'Ali dan Hasan. Itupun masih tidak menepati kehendak ayat yang menyebutkan secara jama'. (أئمة).³⁴

62. Kalau kita mengatakan bahawa memang Allah berkehendak kepada imam dua belas, bermakna kita menafikan ihsan. Kita menafikan kurniaan yang telah dijanjikan Allah dalam Taurat.³⁵

63. وَجَعَلْنَاهُمْ أئمةً يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يُنصَرُونَ. Bermaksud : “Kami jadikan mereka itu imam-imam yang menyeru kepada neraka, dan mereka tidak akan dibantu pada hari kiamat.” Ayat ini menunjukkan bahawa perkataan imam digunakan juga untuk para pemimpin orang kafir.³⁶ Ini membuktikan bahawa perkataan imam yang disebutkan didalam al-Quran itu tidak memberi maksud imam dua belas.

³³ Jika kita katakan bahawa 'Ali pernah memerintah, maka adakah pemerintahannya memberi erti *tamkin*? Sehingga masing-masing berperang sesama sendiri dan terbunuh. Jika dikatakan Hasan pula, dia tidak berjaya meneruskan pemerintahannya bahkan dia telah menyerahkan kuasanya kepada Mu'awiyah. Adakah itu makna *tamkin*? Dan generasi selepas mereka berdua pula tidak pernah memerintah. Dimanakah bukti

وَجَعَلَهُمْ أئمةً وَنَجَعَهُمُ الْوَارِثِينَ وَنُكِّنَ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ. Bahkan mereka terus berada dalam keadaan ditindas dan lemah. Sebab itu syi'ah perlu bertaqiyah.

³⁴ Apa maksud kehendak Allah disini? Adakah kehendak Allah terbatas disini? Sedangkan kehendak Allah adalah sesuatu yang tidak boleh terbatas. Tidak mungkin Allah hanya berkehendak sahaja tetapi tidak berlaku.

³⁵ Jika kita mengatakan bahawa maksud kurniaan Allah itu adalah untuk Bani Israel maka barulah ia tepat dengan kenyataan. Keadaan mereka pada ketika itu memang ditindas dengan teruk dan kemudian Allah menghendaki sesuatu untuk mereka. Dan selepas itu Allah memberikan kemenangan kepada Nabi Musa, diberikannya juga kekuasaan kepada generasi selepasnya seperti Nabi Yusuf dan selainnya. Tetapi jika kita katakan kepada Imam Dua Belas, maka dimanakah mereka berkuasa? Apa jawapan kamu?

³⁶ Adakah kamu (syi'ah) beranggapan bahawa imam yang disebutkan didalam ayat ini memberikan maksud imam dua belas juga? Jika begitu imam dua belas menyeru kepada neraka. Adakah kamu akan menerima begitu? Ini menunjukkan bahawa imam yang disebutkan didalam al-Quran tidak jelas memberikan makna imam dua belas. Tidak disebutkan dengan jelas perkataan dua belas selepas perkataan imam. Dan sesuatu yang tidak jelas tidak boleh dijadikan pegangan atau akidah. Jika sudah ada penggunaan imam itu untuk orang kafir maka tiada lagi pengkhususan bagi setiap perkataan imam untuk memberi maksud imam dua belas. Tambahan pula pada perkataan imam, Allah telah meletakkan sifat selepasnya.

64. **وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أُمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ.** Bermaksud : “Kami jadikan dari kalangan mereka itu pemimpin-pemimpin yang memimpin mengikut perintah kami bila mereka bersabar dan yakin kepada ayat-ayat kami.” Didalam ayat ini dinyatakan balasan kepada kesabaran mereka ialah jawatan imamah diberikan. Adakah kesabaran dikhususkan kepada imam dua belas sahaja? Ayat ini juga menunjukkan bahawa jawatan imam bukanlah sesuatu yang bersifat *wahbi* seperti kenabian tetapi ianya sesuatu yang bersifat *kasbi* (yang boleh diusahakan).³⁷ Sama seperti jawatan-jawatan lain yang berkait dengan usaha seseorang.

65. Ayat ini juga membuktikan bahawa orang yang dikurniakan jawatan atau pangkat imamah oleh Tuhan, dia akan bekerja, bertindak menyampaikan agama Allah dan menyatakan kebenaran. Seolah-olahnya itu adalah sifat yang tidak dapat dipisahkan. Jika mereka tidak melakukan tugas-tugas itu maka kita boleh membuat kesimpulan bahawa mereka sebenarnya tidak dapat jawatan itu atau tidak layak memegang jawatan itu. Kerana didalam ayat diatas menyebutkan perintah bersabar ketika menyampaikan risalah Tuhan.³⁸

66. Tiada usaha menyebarkan agama Allah, itu seolah-olahnya ayat tadi menggambarkan menafikan jawatan atau pangkat imamah itu. Tolong jelaskan ayat itu selebihnya.

67. **وَمِنْ قَبْلِهِ كِتَابُ مُوسَى إِمَامًا وَرَحْمَةً.** Bermaksud : “Sebelum itu sudah ada kitab Musa yang merupakan imam dan rahmat.” Ayat ini menunjukkan bahawa kitab Taurat disebutkan sebagai imam. Oleh itu, mesti diterima bahawa imam itu tidak semestinya imam dua belas. Hendak mengatakan imam itu dengan pasti memberi maksud manusia juga adalah sesuatu yang tidak mesti.³⁹

³⁷ Ayat ini membuktikan bahawa sesiapa sahaja yang bersabar layak baginya mendapat jawatan imamah. Bukan seperti yang kamu dakwakan bahawa imamah itu adalah sesuatu yang bersifat *wahbi*.

³⁸ Jika kita perhatikan kepada imam dua belas penuh dengan taqiyah sahaja. Dimana ada kesabaran jika adanya taqiyah? Tanda orang yang yakin ialah tiada taqiyah dan berterus terang. Dalam keadaan sebegini, dimanakah kedudukan taqiyah jika kita menerima bahawa imam-imam itu sifatnya berdakwah secara terbuka, berani dan sabar ketika menghadapi ujian menyampaikan agama Allah. Dalam keadaan ada taqiyah, bagaimana kita hendak menggambarkan semua sifat-sifat tadi.

³⁹ Dalam keadaan begini, bagaimana kita hendak menjadikannya sebagai akidah. Masih lagi dalam keadaan ragu-ragu bahawa imam itu mesti lagi memberi maksud imam dua belas. Sedangkan sesuatu yang hendak dijadikan sebagai akidah mestilah bersifat *qat'i al-thubut dan dilalah* menurut ahli sunnah.

68. Ayat *Mubahalalah* juga menurut dakwaan syi'ah menyabitkan imamah. Tolong kemukakan, adakah kamu kemukan ayat ini sebagai bukti kepada imamah atau sebagai sokongan sahaja?⁴⁰
69. Kalau kamu (syi'ah) mengatakan ayat itu sebagai sokongan sahaja, ianya tidak betul juga. Sebab maksud *Mubahalalah* itu ialah untuk mela'nat orang-orang yang zalim. Dan hijrah untuk rahmat. Dengan sebab hijrah banyak dapat rahmat kepada orang-orang islam. Kenyataan ini kamu boleh terima tetapi individu yang menjadi sebab adanya rahmat kamu tidak boleh terima.⁴¹

Perbincangan Ayat Walayah⁴²

70. Untuk membuktikan atau menyabitkan kebenaran, orang-orang syi'ah selalu mengemukakan ayat *Walayah*. Tolong beritahu, berapa banyak makna ولي dalam bahasa arab?⁴³

فَمَنْ حَاجَّكَ فِيهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ فَقُلْ تَعَالَوْا نَدْعُ أَبْنَاءَنَا وَأَبْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا وَنِسَاءَكُمْ وَأَنْفُسَنَا وَأَنْفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ⁴⁰ فَنَجْعَلْ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكَاذِبِينَ. Ayat ini berlatar belakang kisah Nabi s.a.w. bersama orang-orang kristian yang mahu *bermubahalalah* dengan Baginda. Mereka mengatakan bahawa mereka dipihak yang benar, Nabi s.a.w. juga mengatakan sedemikian. Oleh yang demikian, semuanya diminta isytihar ditengah padang yang luas supaya dila'nat sesiapa yang salah. Masing-masing bawa datang anak-beranak, termasuklah 'Ali, Hasan dan Husin biar Tuhan kenakan petir kepada yang salah. Mereka mendakwa bahawa أَبْنَاءَنَا adalah 'Ali, Hasan, Husin dan anak cucu mereka. نِسَاءَنَا pula memberi erti Fathimah sahaja. Sedangkan lafaz ini menepati makna yang banyak. Yang sebenarnya lafaz ini memberi makna isteri. Adakah ini sahaja anak-beranak Baginda? Salah satu punca kenyataan ini menjadi pegangan adalah kerana dalam hadis Ahli Sunnah juga mengemukakannya. Semuanya kerana terpengaruh dengan syi'ah. Walaubagaimanapun, hadis ini ditolak kerana bercanggah dengan al-Quran. Andaikata dikatakan kita terima bahawa أَبْنَاءَنَا menepati maksud dan memberi keistimewaan kepada Hasan dan Husin, mengapa cucu Husin sahaja yang menjadi imam tidak pada cucu Hasan? Sepatutnya keistimewaan itu mestilah sama rata. Kemudian mengapa tidak menyebutkan cucu Baginda yang lain? Adakah dua orang ini sahaja cucu Baginda? Adakah Nabi s.a.w. ingin menyatakan bahawa Baginda hanya menyayangi mereka berdua sahaja?

⁴¹ Orang yang menyebabkan orang-orang yang zalim dila'nat itu boleh diterima. Tetapi mengapa orang yang menyebabkan adanya rahmat kamu tidak menerimanya. Iaitu Abu Bakar. Kenapa tidak boleh menerimanya sebagai imam, sedangkan Nabi s.a.w. bersama dengannya ketika berhijrah. Bermakna dia merupakan salah satu punca rahmat juga.

⁴² إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ. Syiah mendakwa bahawa setiap yang ada menyebutkan ولي memberi makna imam dua belas juga.

⁴³ Pertanyaan ini diajukan kerana beberapa tujuan. Diantaranya ialah orang-orang syi'ah mengatakan 'Ali adalah wali yang sebenar. Maksudnya ialah إمام بلا فصل. Ertinya ialah apabila selepas Baginda s.a.w. wafat maka 'Ali sepatutnya yang menggantikan Baginda bukan Abu Bakar. Tidak diselanggi oleh sesiapa.

71. Adakah didalam mana-mana kamus bahasa arab yang asal (bukan buatan syi'ah) **ولي** memberi erti **ولي بلا فصل**? Jika ada, sila kemukakan.
72. Pada ayat **إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا** ini, bagaimana kamu boleh memahami ayat ini hanya memberi makna 'Ali sahaja? Sedangkan didalam ayat itu jelas menunjukkan bahawa kalimah **وَالَّذِينَ آمَنُوا** memberi erti jama'.⁴⁴
73. **وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ**. Pada ayat ini juga digunakan sebagai jama'.⁴⁵
- 74.
- 75.
76. Adakah Nabi s.a.w. pernah lakukan sepertimana yang dilakukan oleh 'Ali iaitu memberi zakat ketika ruku' dan sebagainya? Jika dikatakan bahawa Nabi s.a.w. pernah lakukan, kemukakan dalil. Jika sebaliknya, mengapakah 'Ali melakukan sesuatu yang bercanggah dengan sunnah Baginda? Jika itu suatu kelebihan mengapa Nabi s.a.w. tidak buat? Dan jika ianya bukan suatu kelebihan mengapa 'Ali buat?⁴⁶
77. Jika kita andaikan dalam keadaan sekarang ada orang yang memberikan zakat ketika sedang ruku', adakah dia layak menjadi wali? Jika tidak layak, kenapa? Sedangkan dalam Quran disebutkan secara umum.
78. Kalau kita terima bahawa memang 'Ali beri zakat pada ketika ruku', maka kita hendak tahu adakah dia sudah cukup nisab zakat? Kemukan dalil yang mensabitkan bahawa harta yang dia berikan sebanyak itu sudah mencapai tahap boleh untuk dikeluarkan zakat.

⁴⁴ Sedangkan bagi Ahli Sunnah, pembela yang dimaksud ialah Allah, Rasul dan orang-orang yang beriman. Memberi erti umum. Bukan 'Ali sahaja. Disini juga tiada disebutkan sebarang petanda bahawa maksud **وَالَّذِينَ آمَنُوا** adalah 'Ali sahaja.

⁴⁵ Mereka menjawab bahawa ada hadis didalam kitab Ahli Sunnah yang menyokong pendapat mereka berkenaan ayat ini. Tetapi kewujudan dan kedudukan hadis tersebut dipertikai. Ceritanya 'Ali pernah bersembahyang, kemudian ada orang datang minta sedekah. Lalu dia menghulurkan cincinnya ketika sedang ruku'. Inilah yang dikatakan syi'ah bahawa ayat tadi disokong oleh sebuah hadis yang maudu'. Sedangkan didalam ayat ini digunakan dhomir **هو** bukan **هم**. Adakah orang lain tidak boleh melakukan apa yang disebut dalam ayat tadi seperti yang dilakukan oleh 'Ali? Apakah syarat hendak menjadi imam hanya dengan melakukan apa yang telah dilakukan 'Ali? Jika begitu, ramai manusia yang menjadi imam. Menurut Ahli Sunnah, tujuan ayat diatas dikemukakan adalah untuk memberitahu bahawa sifat-sifat itu adalah sifat kekasih Allah dan orang yang sayang kepada Allah sehingga hari kiamat. Jika kita menerima kenyataan ini, mengapakah hendak mengatakan 'Ali seorang sahaja yang menepati kehendak ayat ini. Adakah 'Ali sahaja yang hidup sehingga hari kiamat? Jika hendak mengkhususkan dengan 'Ali sahaja perlu bawa datang dalil yang kuat.

⁴⁶ Adakah 'Ali lebih mengetahui daripada Nabi s.a.w. bahawa perbuatan itu ada suatu kelebihan? Wajarkah beliau lebih mengetahuinya lebih daripada Nabi s.a.w.? Dalam keadaan wahyu turun kepada Nabi s.a.w.

79. Jika dia tidak cukup nisab, mengapa dia memberikan zakat? Jika sebaliknya, kenapa ketika hendak meminang Fathimah beliau mengatakan begini kepada Abu Bakar.

“Sebab saya ini orang yang susah, saya malu hendak melamarnya.”⁴⁷

80. Mengapa ‘Ali melakukan banyak pergerakan dalam sembahyang yang bukan pergerakan sembahyang. Adakah dia tidak mengetahui perbuatannya itu boleh mengurangkan kualiti sembahyangnya? Adakah dalam keadaan darurat? Jika dikatakan darurat, mungkin ada kemunasabahannya.

81.

82. Berhubung dengan *imamah* dan *walayah* ini selalu juga dikemukakan ⁴⁸ *من كنت مولاه فعلي مولاه*.

Dan lafaz *maula* disini digunakan dengan maksud *إمام بلا فصل*. Soalannya ialah berapa banyak makna *مولى* yang digunakan didalam penggunaan bahasa arab? Dan dalam banyak-banyak kamus arab, adakah lafaz tersebut digunakan dengan maksud *إمام بلا فصل*?

83. Jika kita mengatakan *مولى* disini dengan makna ketua, maka ianya akan memberi maksud bahawa ‘Ali lebih daripada para nabi yang lain. sedangkan ‘Ali tidak ada sifat kenabian. Kecuali kalau kita mengatakan pangkat *imamah* atau *walayah* lebih tinggi daripada kenabian seperti yang didakwa oleh syi’ah.

84. Kalau kita pakai dengan makna pemimpin, bermakna ‘Ali setaraf dengan Nabi s.a.w. Berdasarkan hadis tadi, apakah makna yang dipakai? Adakah setaraf dengan Nabi s.a.w. ataupun kurang daripadanya? Nampaknya seperti menyamakan kedudukan ‘Ali dengan Nabi s.a.w.

85. Jika *مولى* itu dengan makna yang dikasihi atau disayangi, apa salahnya?

⁴⁷ Maksud ‘Ali disini ialah apabila Nabi s.a.w. minta mas kahwin, dari mana saya hendak mencarinya. Didalam Bukhari juga disebutkan beliau hanya memiliki dua ekor unta hasil daripada peperangan. Kenyataan ini menolak dakwaan syi’ah yang mengatakan bahawa ‘Ali boleh mengeluarkan zakat, sedangkan beliau belum cukup nisab zakat.

⁴⁸ Hadis ini dipertikai. Ibnu Taymiah dan ramai lagi ulama hadis mengatakan hadis ini maudu’.

86. *صَالِحُ الْمُؤْمِنِينَ* . Syi'ah mengatakan bahawa *صَالِحُ الْمُؤْمِنِينَ* memberi makna 'Ali. Dakwaan ini bercanggah dengan realiti zaman. Adakah 'Ali seorang sahaja yang membela Nabi s.a.w.?

87. Kalau didalam ayat ini *مولى* digunakan dengan makna bukan pemimpin, mengapa didalam hadis *من مولى* digunakan dengan makna pemimpin? Jika kita mengatakan *مولى* dengan makna pemimpin, adakah makna ayat itu sesuai dengan kenyataan? Jika begitu terjemahannya maka makna ayat itu tidak betul.⁵⁰

88. Kalau masalah *imamah* atau *walayah* termasuk dalam akidah, mengapa Allah s.w.t. tidak isytihar atau menyebutkan dalam al-Quran walaupun satu ayat? Seperti firmanNya *يَا دَاوُودُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ*. Disini Allah sebutkan walaupun jawatan khalifah.⁵¹ Dengan dalil yang disebutkan, barulah boleh dijadikan sandaran akidah. Mengapa tidak disebutkan *بلا إماما* *يا علي, إنا جعلناك خليفة أو إماما بلا* *فصل بعد النبي*? Bagaimana hendak dijadikan sebagai akidah jika tiada dalil yang terang sebegini?

49 (1) Ayat ini turun kerana hendak menegur isteri-isteri Nabi s.a.w. iaitu ketika berlakunya sedikit perselisihan antara Baginda dengan mereka. Jika mereka mengatakan bahawa perkataan *صالح* adalah lafaz mufrad maka jawapannya ialah *صالح diidhafatkan* kepada *المؤمنين*. *Idhafat sifat* kepada *mausuf*. Jumlah sebenarnya ialah *المؤمنون الصالحون*. Apabila *sifat* diletakkan dahulu maka ia boleh diletakkan dalam keadaan *mufrad* walaupun hakikatnya *jama'*. Tetapi kalau kita mengambil kira tertib yang asal iaitu meletakkan *mausuf* dihadapan maka mesti bawa datang dalam bentuk *jama'* iaitu *الصالحون*. Hasilnya ialah *المؤمنون الصالحون*. Ini adalah salah satu uslub atau ibarat yang boleh digunakan dalam bahasa arab yang menunjukkan ramai. (2) Jika mereka mempersoalkan mengapa isteri-isteri Baginda menyakitinya. Jawapannya ialah itu adalah salah satu keistimewaan isteri-isterinya. Allah sendiri yang mendidik mereka. Tambahan pula mereka memilih kehidupan akhirat lebih dari dunia. Dalilnya ialah

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ إِن كُنْتُنَّ تُرِدْنَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزَيَّنَّتْهَا فَتَعَالَيْنَ أُمَتَّعَنَّ وَأَسْرَحَنَّ سَرًا حَا جَمِيلًا وَإِن كُنْتُنَّ تُرِدْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالْآخِرَةَ فَإِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَاتِ مِنْكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ مَنْ يَأْتِ مِنْكُنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَةٍ يُضَاعَفْ لَهَا الْعَذَابُ ضِعْفَيْنِ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا

Mengapa mendakwa isteri-isteri Baginda berkelakuan tidak elok? Adakah disebutkan dengan jelas bahawa mereka begitu seperti isteri Nabi Luth dan Nuh? Isteri Nabi Luth dan Nuh memang Allah telah sebutkan dalam Quran, tetapi isteri Baginda? Mengapa kita perlu kiaskan jika tidak disebutkan? Dan kalau mereka tidak elok, mengapa Nabi s.a.w tidak menceraikan mereka?

⁵⁰ Maksudnya : Allah, Jibril dan orang-orang mukmin adalah ketua kepada Nabi s.a.w.

⁵¹ Menurut syi'ah jawatan khalifah dan imamah adalah dua perkara yang berbeza. Dan ini menunjukkan bahawa khalifah atau imam adalah sama.

89. Kalau masalah ini begitu penting, kenapa Nabi s.a.w. menggunakan perkataan yang begitu banyak maknanya?⁵²

90.

91.

92. Berhubung dengan sebab penurunan ayat وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

93.

94. إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ. Jika kita terima ayat ini seperti yang kamu dakwa, maka ولي disini menjadi *mudhaf* kepada كم. Sedangkan kamu mengatakan pada kalimah syahadah علي ولي الله. ‘Ali menjadi *mudhof* kepada Allah. Jika dilihat kembali pada ayat ini dipisahkan oleh perkataan كم. Dimana kamu ambil perkataan ولي الله? Adakah dalil ini sesuai dengan dakwaan kamu?

95. Andaikan kita terima bahawa ayat ini untuk ‘Ali, dimanakah ayat untuk sebelas imam lagi? Dimanakah dalil yang menunjukkan mereka wali Allah?⁵³

96. Jama’ kepada perkataan ولي adalah أولياء. Didalam ayat sebelum ayat ini ada tersebut

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ

Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan orang-orang Yahudi dan Nasrani sebagai teman yang rapat.”

Bermakna perkataan wali tidak semestinya memberikan makna yang elok. Apatah lagi, wali hendak diberikan makna imam dua belas. Sesuatu yang jauh maknanya. Tidak pula disebutkan bahawa janganlah kamu jadikan Yahudi dan Nasrani sebagai imam-imam. Disini seperti ada keserupaan dengan imam dua belas.

⁵² Sebabnya apabila guna banyak makna maka ada banyak andaian. Dan jika ada banyak andaian maka jadi lemah sesuatu dalil. Diantara tujuan wujudnya banyak andaian adalah untuk menyatakan bahawa Allah maha mengetahui pada masa akan datang adanya golongan-golongan yang sesat hendak mengambil kesempatan terhadap ayat al-quran. Lanya juga menjadi garis panduan kepada orang-orang islam untuk mempertahankan agama islam. Jika agama syi’ah itu benar, sila kemukakan satu sahaja ayat yang menyebutkan lafaz Allah ada sekali dengan imam ataupun ‘Ali sahaja. Ada hadis juga bercanggah dengan al-quran.

⁵³ Pada ayat ini hanya ‘Ali sahaja yang beri zakat. Sedangkan hendak jadi imam perlu beri zakat ketika ruku’ juga. Adakah begitu syaratnya? Kalau orang lain buat begitu adakah tidak boleh?

Perbahasan Ayat Tathir⁵⁴

97. Adakah ayat ini turun semata-mata untuk ‘Ali, Hasan dan Husin ataupun mereka hanya sebahagian yang termasuk sahaja? Adakah mereka masuk sebagai yang asal ataupun atas permintaan Nabi s.a.w.?
98. Jika ‘Ali, Fathimah, Hasan dan Husin memang termasuk dalam golongan Ahlul Bait yang sebenar, sila kemukakan dimanakah ayat disekitar ayat *tathir* yang ditujukan kepada mereka?⁵⁵
99. *Tathir* yang dimaksudkan disini adakah dalam bentuk *ijab tathir* atau *baqa’ tathir*⁵⁶?
100. Kalau ayat itu memberi makna *ijab tathir* maka kita mesti menerima mereka tiada sifat suci dari dosa. Ini kerana syi’ah mendakwa bahawa empat orang ini suci dari dosa. Soalannya ialah adakah mereka ini baru hendak suci ataupun mereka sudah suci sejak azali?⁵⁷
- 101.

54 إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا. Ayat ini juga termasuk didalam ayat yang menjadi dalil bagi syi’ah kepada kewajipan percaya imam dua belas. Sedangkan ayat ini dengan jelasnya menyebutkan أَهْلَ الْبَيْتِ bukan imam dua belas. Dan makna imam dua belas sangat luas dan tidak terbatas hanya kepada dua belas orang sahaja. Tambahan pula tidak disebutkan secara jelas perkataan dua belas. Jika disoal dengan lebih lanjut mereka akan berdalilkan dengan ayat *mubalahah* dan juga hadis *kisa’*. Didalam hadis *kisa’* disebutkan ada empat orang sahaja iaitu ‘Ali, Fathimah, Hasan dan Husin sahaja. Bukan dua belas. Tambahan pula Fathimah tidak termasuk dalam senarai dua belas imam yang disenaraikan. Hadis itu menceritakan Nabi s.a.w. menyelimutkan kesemuanya. Tetapi mengapa imam dua belas hanya dari anak keturunan Husin sahaja, Hasan tidak? Sepatutnya keturunan Hasan mestilah ada. Tambahan pula beliau merupakan abang kepada Husin. Kemudian, adakah ‘Ali hanya mempunyai anak daripada Fathimah sahaja? Disebabkan itulah munculnya syi’ah Kaisaniyah. Yang mana imamnya Muhammad bin Al-Hanafiah. Walaupun ibunya bukan Fathimah tetapi dia masih lagi termasuk dalam keturunan ‘Ali juga. Kemudian ada lagi syi’ah lain yang menerima Hasan sebagai Imam selain daripada keturunan Husin. Sebenarnya syi’ah imamiyah sudah terpaksa menerima Hasan walaupun mereka benci kepadanya. Mereka seolah-olahnya terpaksa menelan sesuatu yang pahit. Oleh sebab terlalu marah kepada Hasan yang berbai’ah kepada Mu’awiyah mereka memutuskan silsilah imamah daripada keturunan beliau. Akibatnya timbullah cerita palsu tentang Hasan mengahwini empat ratus orang, berfoya-foya dan suka bercerai. Semuanya disebabkan benci kepada Hasan. Sebab penerimaan mereka kepada adalah kerana Husin berani menentang Yazid. Sepatutnya Husin yang jadi imam pertama kerana terlalu berani, ‘Ali sendiri tidak seberaninya. Sebab berbai’ah kepada Abu Bakar. Mengapa tidak buat perarakan untuk ‘Ali disebabkan beliau berjaya bertaqiyah? Mengapa tindakan Husin betul sedangkan dia mati? ‘Ali tidak mati.

⁵⁵ Menurut Ahli Sunnah, ayat *tathir* itu ditujukan atau menceritakan perihal berkaitan dengan isteri-isteri Baginda s.a.w. Ini kerana *siyak* dan *sibak* bagi ayat itu menceritakan tentang mereka. Tambahan pula disebutkan secara jelas ceritanya.

⁵⁶ Ijab tathir : Tuhan menghendaki mereka suci atau tiada dosa. Sebelum turun ayat ini tidak. Seolah-olah bersifat mendatang. Baqa’ tathir : Sejak azali Tuhan memang menghendaki mereka suci dari dosa.

⁵⁷ Mengikut kepercayaan syi’ah, imam-imam mereka suci sejak azali lagi. Jika begini dakwaan mereka, maka ianya bercanggah dengan ayat yang diturunkan ini. Ataupun kemukakan ayat yang mengatakan mereka suci sejak azali.

102. Kalau kamu mendakwa bahawa imam-imam bersifat dengan *baqa' tathir*, maka apa makna **لِيُذْهِبَ** disini? Sedangkan perkara yang memberi maksud akan menghilangkan bererti ianya telah wujud dan ada. Ini menunjukkan mereka ada dosa. Dan jika mereka ada dosa, ianya bercanggah dengan kepercayaan kamu.
- 103.
- 104.
105. Mengapa kamu tidak boleh menerima ayat ini untuk isteri-isteri Nabi s.a.w.?⁵⁸ Apa alasan kamu?
106. Kalau kamu kata, tujuan Nabi s.a.w. sebut Ahlul Bait itu individu tertentu adalah sebagai penjelasan. Siapakah dia Ahlul Bait itu? Dan dimanakah ayat yang lain menjelaskan bahawa Ahlul Bait adalah mereka berlima? Kalau tiada maka bagaimana kita hendak menjelaskan bahawa Ahlul Bait itu adalah mereka berlima dan juga imam dua belas? Perkara ini seolah-olahnya kita menganggap Allah meletakkan ayat itu tidak sesuai dengan *siyak* dan *sibak*.
- 107.
- 108.
109. Kalau betul maksud Ahlul Bait itu lima orang dan itu kehendak Allah, mengapa Nabi s.a.w. tidak mengatakan kepada orang ramai bahawa inilah dia Ahlul Bait?⁵⁹
- 110.

⁵⁸ Mereka akan menjawab bahawa ayat ini menunjukkan kepada maksum. Dan Ahli Sunnah juga menerima bahawa isteri-isteri tidak maksum. Sedangkan mengikut kita, ayat ini bukan untuk maksum. Ia adalah panduan kepada isteri-isteri Baginda jika mereka melakukan amalan seperti yang disebutkan sebelum ayat ini seperti mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan ta'at kepada Allah dan Rasul ianya akan menghapuskan dosa. Dan tidak boleh hanya berpegang pada kalimah *كم* sahaja kerana boleh juga digunakan untuk *muaannath*. Seperti contoh *السلام عليكم*. Ini termasuk dalam bab memuliakan seseorang. Contoh lain lagi cerita tentang Sarah isteri Nabi Ibrahim a.s. **قَالُوا أَتَعْجَبِينَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ رَحِمَتُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ إِنَّهُ حَمِيدٌ مَجِيدٌ**. Jika disini Allah gunakan untuk *muaannath* maka mengapakah pada ayat tathir tidak boleh?

⁵⁹ Bahkan didalam hadis itu disebutkan bahawa apabila mereka berada didalam selimut, Nabi s.a.w. berkata : Ya Allah! Inilah Ahli Bait ku. Seolah-olahnya Allah tidak menghendaki Ahli Bait tetapi Nabi s.a.w. yang mengajarnya. Orang ramai akan memahaminya begitu. Nabi s.a.w. faham Allah tidak menghendaki Ahli Bait lima orang sebab itu Nabi s.a.w. perlu menyelimuti dan mengatakan, Ya Allah! Ini Ahli Bait ku. Jadi, adakah Baginda kata ini Ahli Baitku kerana Baginda faham Allah tidak maksudkan yang itu tetapi Allah maksudkan isteri-isterinya. Dan oleh kerana tidak termasuk yang dikehendaki Nabi s.a.w. maka dia hendak mengajar dan memberitahu bahawa inilah (dalam selimut) Ahli Bait yang sebenar. Jika dikatakan bahawa Allah maksudkan Ahli Bait itu adalah isteri-isteri Nabi s.a.w dan Baginda minta supaya orang yang berada didalam selimutnya itu termasuk juga dalam Ahli Bait, maka ini masih boleh diterima sikit. Bahkan mereka menafikan terus isteri-isteri Baginda. Jadi, apa maksudnya berdoa kalau mereka berlima sudah termasuk dalam Ahli Bait? Tujuan berdoa untuk meminta. Ini bermaksud sebelum berdoa masih belum ada apa yang dihajati. Disini membuktikan bahawa akidah mereka tidak benar kerana sifat *maksum* sejak azali tiada.

111.

112.

113.

114.

115. Apakah yang menjadikan mereka maksum? Sebab *tathir* atau *tazkiah*? Kalau hendak dinilai, umumnya tugas Nabi s.a.w. adalah *tazkiah* (ويزكيهم).

116. Apakah beza antara *tathir* dan *tazkiah*?

117. Atau kamu hendak mengatakan bahawa *tathir* untuk Ahlul Bait dan *tazkiah* untuk sahabat?

118. Bagaimana kita hendak katakan bahawa dengan adanya kalimah *tathir*, boleh difahami daripadanya '*ismah*? Tetapi *tazkiah* tidak boleh difahami begitu. Apakah perbezaannya?

119. Kalau dengan kain selimut menyebabkan mereka jadi maksum, kalau *tathir* ianya tidak khusus dengan Ahli Bait sahaja. Kerana orang-orang islam lain yang ambil air sembahyang pun dikira *tathir* juga. Dan *tazkiah* ada juga pada sesiapa. Kalau dengan sebab selimut, isteri-isteri Nabi s.a.w. yang tidur seselimut dengan Baginda pun boleh termasuk dalam kategori maksum juga.

120. Kalau kita kata perkataan '*ismah* untuk *tathir* dan *tazkiah* untuk sahabat maka ia tidak benar. Kerana didalam ayat lain menyebutkan ada digunakan juga untuk orang lain, iaitu :

وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيَتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ

Bagaimana kita hendak mengatakan *tathir* untuk Ahli Bait sahaja. Disini ia memberikan maksud untuk sahabat juga. Bermakna sahabat juga maksum kerana mereka termasuk golongan yang dimaksudkan disini.

121. Penggunaan *tathir* disini digunakan dengan *fe'el mudari*'. Bermakna ia memberi makna akan datang dan yang lepas belum berlaku lagi. Bermakna Tuhan tidak kehendaki sifat *maksum*. Bagaimana kamu boleh mengatakan imam kamu *maksum* sejak azali lagi?

122. *Dhamir* کم pada ayat surah Ahzab merujuk kepada kalimah أهل. Walaupun perkataan itu *mufrad* tetapi maknanya jama'. Begitu juga pada ayat didalam surah Hud yang mana كمدisitu merujuk kepada isteri Nabi Ibrahim. Mengapa kamu tidak mahu menerima كمدalam surah Al-Ahzab termasuk isteri-isteri Nabi s.a.w?

123.

124.

- 125.
- 126.
- 127.
128. Kalau hendak diambil kira sudut hormat dan memuliakan seseorang, Nabi s.a.w. pernah juga menghamparkan selimut kepada Halimah Sa'diyah. Apakah dengan sebab begitu dia jadi *maksum*?
129. Kenapa *maksum* hanya setakat lima orang sahaja?
130. Jika imam-imam lain juga *maksum*, mengapa hanya dua belas orang sahaja? Kemukan dalil.
131. Jika lima orang itu maksudnya ialah orang yang disucikan, baki yang dua belas imam termasuk dalam yang *maksum*, maka disini terdapat perbezaan. Kemukakan dalil kuat yang menjadi perbezaan tersebut.⁶⁰
- 132.
133. Apabila Nabi s.a.w. diutuskan dengan membaca ayat al-Quran, mengajarnya dan melakukan *tazkiah*. Cuba beritahu, adakah Nabi s.a.w. berjaya dalam usahanya? Jika tidak berjaya maka tugas kenabian belum lagi sempurna.
134. Jika berjaya, adakah berjaya keseluruhannya?
- 135.
136. Jika berjaya dalam semua sudut iaitu pada bacaan Quran, mengajarnya dan tazkiah jiwa maka kita mesti menerima bahawa sahabat muhajirin dan ansar adalah mereka yang disucikan dan dididik jiwanya. Jika kamu menerimanya maka ia akan bertentangan dengan akidah kamu. Kerana ayat ini menyebutkan dengan jelas bahawa ianya bukan hanya setakat dengan Baginda, 'Ali, Hasan, Husin dan Fathimah sahaja. Bahkan sahabat juga.
- 137.
138. Apakah yang dimaksudkan dengan رَجِسَ dalam ayat tersebut?
139. Apa perbezaan رَجِسَ dan رَجَزَ?

⁶⁰ Syi'ah mendakwa bahawa lima yang termasuk dalam selimut adalah mereka yang disucikan. Imam-imam mereka yang lain pula adalah orang yang maksum. Perkara ini perlu kepada dalil. Tetapi menurut kenyataannya syi'ah mendakwa bahawa imam dua belas sama sahaja seperti mereka yang lima. Sedangkan imam-imam itu tidak ada pada peristiwa selimut. Mereka akan member alasan bahawa imam-imam tersebut wujud dalam tulang sulbi Husain. Tetapi wujud juga dalam tulang sulbi Hasan. Mengapa tidak menerima anak cucu Hasan sebagai imam juga?

140. Didalam tafsir Kanzul ‘Irfan hasyiah tafsir Hasan Al-‘Askari katanya :

الرجس وهو مرادف للنجاسة

Adakah setuju dengan tafsiran ini? Jika tidak, mengapa?

141. Didalam As-Shofi syarah Usul Kafi karangan Mulla Khalil Qazwini dinyatakan bahawa maksud رجس adalah syak tentang rububiyah Tuhan semesta alam. Apa pendapat kamu berkenaan kenyataan ini?

142. Kalau kita terima kedua-dua makna yang diberikan oleh tokoh syi’ah maka إذهب الرجس memberi makna إزالة الشك في الربوبية و إزالة النجاسة. Sila jelaskan tentang ini apakah maksudnya.⁶¹ Jika kamu menerimanya kemukakan dalil begitu juga sebaliknya.

143. Mengapa tidak boleh menerima isteri Nabi s.a.w. Ahli Bait? Sedangkan dalam kitab kamu menyebutkan bahawa Baginda ada berkata kepada Khadijah السلام عليكم يا أهل البيت. Bukankah Khadijah isteri Baginda? Apa salahnya jika terima?

144. Mengapa tidak boleh menerima isteri Baginda sebagai Ahli Bait? Sedangkan didalam bahasa arab perkataan أهل البيت digunakan untuk isteri seseorang.

145. Dalam Hayatul Qulub disebutkan bahawa Mulla Baqir Majlisi berkata :

“Aku bersyukur kepada Allah kerana sentiasa menjauhkan Ahli Baitku daripada segala macam kesalahan atau dosa.”

Ahli Bait disini digunakan dengan makna isteri beliau, mengapa kamu tidak guna sedemikian?

146. Didalam Majaalisul Mukminin karangan Nurullah Syustri jilid 2 muka surat 89 disebutkan bahawa Salman Al-Faarisi juga Nabi s.a.w. menyebutkannya dengan Ahli Bait dia. Dan mereka juga menerima. Ini bermaksud Ahli Bait terlalu luas penggunaannya. Mengapa kamu membetaskan hanya dengan lima orang dalam ayat tathir? Sedangkan pada tempat lain disebutkan secara luas penggunaannya. Termasuklah dalam kitab syi’ah juga.

147.

148. Didalam tafsir Imam Husain ‘Askari muka surat 13 disebutkan :

⁶¹ Adakah Tuhan hendak menghilangkan syak daripada mereka berkenaan dengan ketuhanan? Jika mereka syak tentang itu, sudah tentunya iman mereka rosak. Kerana perkara yang berkait dengan akidah mestilah diyakini dan tiada keraguan. Jika Tuhan hendak menghilangkan najis daripada mereka maka bermaksud mereka dahulunya tidak maksum. Dalam ayat tathir juga digunakan feel mudari’. Bermaksud Tuhan baru sahaja menghendaki bukan sejak azali lagi.

إِنْ كُلِّ مُؤْمِنٍ وَمُؤْمِنَةٍ مِنْ شِيعَتِنَا هُوَ مِنْ رَحْمِ مُحَمَّدٍ

Berdasarkan kata-kata ini, luas penggunaan Ahli Bait.

149. Mengapa dalam ayat tathir kamu tidak menerima Ahli Bait sebagai isteri-isteri Nabi s.a.w.? Jika kamu tidak mahu menerimanya, apakah kaitannya dengan ayat yang berada sebelum dan selepas ayat itu? Sedangkan disebutkan يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ، إِنَّ كُنْتُمْ تُرِدْنَ، فَتَعَالَيْنَ أُمْتِعُنَّ وَأَسْرِحُنَّ، يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ، لَسْتُنَّ، فَلَا تَخْضَعْنَ، وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ، وَأَطِعْنَ.
150. Jika kita mengatakan tiada kaitan antara satu ayat dengan ayat yang lain maka seolah-olahnya setiap ayat yang dikemukakan tiada hubungan antara satu sama lain. Adakah patut begitu? Jika manusia bercakap sesuatu yang tiada kaitan antara satu sama lain, maka kita juga akan berasa pelik.
- 151.

Perbincangan Ayat Mubalah

152.
153.
154.
155.
156.
157.
158.
159.
160.
161.
162.
163.

164.

165.

166.

167.

168.

169.

170.

171.

172.

Perbincangan Ayat Tabligh⁶²

173. Manakah sudut didalam ayat ini menunjukkan bahawa ‘Ali adalah **إمام بلا فصل**.

174.

175. Kalau ada maka buktikan dimana? Jika tiada maka ia mengarut dakwaan itu.

176. Maksud **بَلَّغْ** adalah sampaikan atau terus sampaikan⁶³. Kalau begitu, apakah maksud yang disebutkan didalam Usul Kafi bahawa perkara *Walayah* adalah satu rahsia. Tuhan sembunyikan daripada semua makhluk melainkan Jibril sahaja. Jibril pula sembunyikan daripada sesiapa kecuali pada Rasul sahaja. Dan kemudian Rasul pula yang sembunyikan, kemudian sampaikan kepada ‘Ali sahaja. Kalau begitu, apa makna **بَلَّغْ** disini? Dan bagaimana kamu pula boleh mengetahui tentang perkara itu? Adakah ‘Ali yang pecah rahsia? Tidakkah menyembunyikan bercanggah dengan menyampaikan?

177.

62 يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ. Ayat ini juga merupakan dalil bagi syi'ah bahawa ‘Ali itu imam.

⁶³ Didalam mana-mana tafsir syi'ah disebutkan يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ فِي وِلَايَةِ عَلِيٍّ.

178.

179. Apakah dia makna **مَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ**? Kalau maksudnya ‘Ali mestilah ada disebutkan pada mana-mana dalil yang menyuruh Nabi s.a.w. menyampaikannya. Berkenaan dengan ‘Ali, dimanakah dalilnya dan bilakah Baginda sampaikan?

180. Didalam Quran disebutkan **يُؤْمِنُونَ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ وَمَا أَنْزَلَ مِنْ قَبْلِكَ**. Ayat **مَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ** bermaksud Al-Quran dan **مَا أَنْزَلَ مِنْ قَبْلِكَ** adalah Taurat, Injil dan Zabur. Adakah betul kenyataan ini?

181. Didalam kitab tafsir Shofi ayat **يُؤْمِنُونَ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ** ditafsirkan **ما أنزل إليك من القرآن والشرية**. Apa jawapan kamu?

182. Kamu terima atau tidak kaedah ini :

إن القرآن يفسر بعضه بعضا

Kalau kamu terima, mengapa kamu tidak mahu menerima tafsiran Quran pada ayat yang lain. dan inilah yang lebih utama.

183. Dalam tafsir syi’ah disebutkan, apabila Nabi s.a.w. dapat perintah tabligh, adakah Baginda takut atau tidak? Jika Baginda takut, nyatakan sebabnya? Jika tidak, maka tidak betul apa yang Nabi s.a.w. agakkan.⁶⁴ Seperti takut tidak diterima dan lain-lain.

184.

185.

186. Siapa dia yang dimaksudkan oleh Allah supaya Nabi s.a.w. sampaikan padanya? Kepada yang kafir atau islam? Jika kepada orang kafir, apa faedah sampaikan pada mereka? Jika pada orang islam, mengapa perlu takut?

187.

188. Dalam Usul Kafi disebutkan bahawa ayat ini turun pada 9 Zulhijjah hari Jumaat. Sedangkan kamu kata, ayat ini turun pada peristiwa Ghadir Khum. Minta penjelasan.

189. Kalau kita kata bahawa **أَنْزَلَ** dipakai dengan makna hakiki. Maka ianya bercanggah dengan kenyataan. Dimanakah ayat yang sudah diturunkan yang menyebutkan ‘Ali, jawatan dan

⁶⁴ Didalam kitab syi’ah disebutkan bahawa Baginda merasakan sesuatu yang tidak baik untuknya.

imamahnya? Jika kita kata bahawa ia turun secara majazi, bagaimana kita hendak sabitkan dengan akidah?